

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 DISEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28

Prospek ekonomi dijangka lebih mencabar pada 2023

Prospek ekonomi dijangka lebih mencabar pada 2023

KUALA LUMPUR - Eastspring Investments Bhd menjangkakan 2023 akan menjadi tahun yang lebih mencabar berbanding 2022 dengan pertumbuhan perlahan dan keadaan kekangan kewangan di pasaran maju terutamanya Amerika Syarikat (AS) dan Eropah akan membayangi prospek ekonomi global.



BILL MALDONADO

Firma pengurusan aset itu menerusi laporan prospek pasaran 2023 bertajuk, *Navigating the global reset* (mengemudi penyesuaian semula global), berpandangan bahawa inflasi dijangka lebih tinggi berbanding purata yang biasa dicatatkan dalam dekad-dekad sebelum Covid-19, dan situasi tidak menentu ketika ini dijangka berterusan hingga ke suku pertama tahun 2023.

Prospek ekonomi global yang lebih baik hanya dijangka muncul pada separuh kedua 2023 apabila para pelabur melepasi situasi kemuncak inflasi dan kenaikan berterusan kadar faedah Rizab Persekutuan AS (Fed).

Ketua pegawai pelaburan Eastspring Investments, Bill Maldonado berkata, prospek inflasi dan impaknya ke atas dasar monetari akan terus memacu pasaran pada tahun depan.

Beliau berkata, ekonomi Asia dan ekonomi sedang pesat membangun agak berdaya tahan pada 2022 susulan langkah-langkah mengetatkan monetari serantau yang lebih sederhana berikutan inflasi yang rendah.

"Inflasi di Asia tidak begitu ketara berikutan langkah-langkah rangsangan fiskal yang lebih kecil dalam mendepani pandemik, tidak seperti di AS, dan kurang pendedahan kepada kejutan tenaga tidak seperti yang berlaku di Eropah serta lebih banyak pemberian subsidi kerajaan bagi mengurangkan bebanan pengguna," katanya.

Maldonado berkata, berbanding era 2010-an dengan pertumbuhan pesat serta pelaburan berkualiti, awal 2020-an menyaksikan langkah-langkah untuk membendung Covid-19 lebih menumpukan kepada melabur dalam ekonomi sebenar.

Ini termasuk merangka pelan perbelanjaan modal dan langkah-langkah mengurangkan pelepasan karbon.

"Melangkah ke 2023, kita melihat pasaran Asia Utara mendapat manfaat daripada pembukaan semula sempadan China secara berperingkat, manakala India dan ASEAN akan terus menawarkan peluang kepada pelabur daripada pelbagai rantaian bekalan dan kiliran penyahkarbonan global," katanya.

Menurut Eastspring, ciri-ciri pelaburan jangka panjang Asia kekal utuh meskipun penyesuaian semula trajektori pertumbuhan berikutan impak daripada pandemik yang menyaksikan pelbagai rantaian bekalan global yang beralih dari China terutamanya ke negara-negara Asia lain termasuk ASEAN seperti Vietnam dan Indonesia.

Jelas Maldonado, keadaan tidak menentu dijangka kekal pada 2023 melihatkan pergolakan geopolitik Rusia-Ukraine yang sukar diramal.

"Kemelesetan teruk di AS dan pembukaan semula China yang tidak teratur merupakan risiko yang perlu dihadapi oleh para pelabur," katanya.

-Bernama